



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

JANGKITAN COVID-19 DAN INFLUENZA MASIH TERKAWAL DI MALAYSIA

Situasi COVID-19 dan influenza di Malaysia masih terkawal dengan tiada peningkatan kes yang memerlukan rawatan di ICU dan tiada kematian dilaporkan.

Pada Minggu Epidemiologi (ME) 51/2024 (15 hingga 21 Disember 2024), sebanyak 1,477 kes dilaporkan, dengan penurunan sebanyak 14.23% berbanding 1,722 kes pada ME 50/2024. Manakala pengisian katil bukan kritikal menurun daripada 0.16% kepada 0.13% dan pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU) menurun daripada 0.14% kepada 0.10%. Tiada kes kematian COVID-19 dilaporkan sejak 25 April dengan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58 kematian. Selain itu, tiada kes varian baharu dikesan dan varian SARS-CoV-2 yang sedang menular di Malaysia merupakan varian Omicron dan subvariannya.

Bagi jangkitan influenza, hasil surveilan berasaskan makmal mendapati 139 daripada 856 sampel *influenza-like illness* (ILI) di klinik kesihatan (16.24%), serta lapan (8) daripada 67 sampel *Severe Acute Respiratory*

Infections (SARI) di hospital (11.94%), adalah dikesan positif bagi virus influenza pada ME 50/2024. Daripada sampel yang dikesan positif influenza, 32% adalah terdiri daripada jenis influenza A, manakala 26% adalah influenza B.

Terdapat penurunan berbanding minggu sebelumnya iaitu 152 daripada 827 (18.38%) sampel ILI dan sembilan (9) daripada 68 (13.24%) sampel SARI dikesan positif influenza. Daripada sampel yang positif influenza, 37% adalah terdiri daripada influenza A dan 27% adalah influenza B.

Walaupun jangkitan influenza tidak wajib untuk dilaporkan atau dinotifikasikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] namun Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau kes influenza di seluruh negara.

Peningkatan kes COVID-19 dan influenza di Malaysia pada hujung tahun adalah fenomena yang dijangka sepenuhnya, selaras dengan peningkatan jangkitan saluran pernafasan yang turut dilaporkan di negara-negara lain terutamanya yang bermusim sejuk seperti Jepun.

Oleh itu, pihak berkuasa di negara-negara berkenaan biasanya menggalakkan orang ramai untuk mengambil vaksin influenza pada setiap kitaran musim. Walaupun Malaysia beriklim tropika, sempadan negara kini dibuka seperti biasa untuk perjalanan keluar dan masuk dari pelbagai negara, termasuk negara-negara bermusim sejuk.

Orang ramai dinasihatkan untuk mengambil langkah proaktif dalam menjaga kesihatan diri serta mencegah jangkitan atau penularannya kepada orang lain semasa perjumpaan ketika musim perayaan.

Antara langkah pencegahan yang boleh diambil adalah kerap mencuci tangan dengan sabun atau menggunakan pensanitasi tangan; mengamalkan adab batuk yang baik dengan menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin; memakai pelitup muka terutamanya bagi individu yang berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan atau yang bergejala; serta mendapatkan vaksinasi influenza secara tahunan.

Orang ramai perlu segera mendapatkan pemeriksaan dan rawatan di fasiliti kesihatan kerajaan ataupun swasta sekiranya mengalami gejala seperti demam, batuk dan selesema yang berpanjangan.

Sila layari laman sesawang data.moh.gov.my untuk mendapatkan data-data penting kesihatan termasuk berkenaan status terkini COVID-19.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

23 DISEMBER 2024